

## BAB 2

### PENGARANG DAN KEPENGARANGANNYA

#### 2.0 Pendahuluan

Dalam bab ini, pengkaji akan menyusuri latar belakang Anwar Ridhwan, kehidupan zaman kanak-kanaknya, pendidikannya, detik awal penglibatan beliau dalam dunia kesusastraan sehingga beliau dinobatkan sebagai pengarang yang berjaya dan berpengaruh. Seterusnya, pengkaji juga akan meninjau serta membincangkan kepengarangan Anwar yang telah meletakkan beliau dalam barisan utama sasterawan Malaysia, yang bukan hanya dikenali di dalam negara malah di luar negara juga. Menurut Othman Puteh (*Dewan Sastera*, Ogos 2000:), “Anwar Ridhwan merupakan seorang sasterawan dan sarjana penting dalam ujana kesusastraan Melayu”.

#### 2.1 Latar Belakang Pengarang

Anwar Ridhwan atau nama sebenarnya Anuar bin Hj. Rethwan dilahirkan pada 5 Ogos 1949 di Parit Satu Timur, Sungai Besar, Sabak Bernam, Selangor. Beliau merupakan anak bongsu daripada enam orang adik-beradik. Ayahnya, Haji Rethwan bin Haji Abdul Razak, seorang petani yang berasal dari Bagan Serai, Perak. Ibunya, Habsah@ Mariam, seorang bidan berasal dari Kuala Kangsar, Perak. Setelah mendirikan rumah tangga, kedua-dua orang tuanya menetap di Sungai Besar, Selangor.

Anwar Ridhwan mendapat pendidikan awal di Sekolah Kebangsaan Sungai Besar (1956-1962). Seterusnya, Anwar melanjutkan persekolahan menengahnya di Sekolah Ungku Aziz, Sabak Bernam (1963-1967) sebelum memasuki tingkatan enam di Sekolah

Alam Shah, Kuala Lumpur (1968- 1969). Selanjutnya Anwar melanjutkan pengajiannya di Universiti Malaya (1970-1973) dan memperoleh Ijazah Sarjana Muda Sastera. Setelah tamat pengajian, Anwar Ridhwan terus diterima bertugas sebagai pegawai sementara di Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur. Pada tahun 1980, Anwar melanjutkan pengajian di Universiti Malaya dan memperoleh Sarjana Sastera pada tahun 1983 dan pada tahun 1998, Anwar mendapat Ijazah Doktor Falsafah (Ph.D) dari Universiti Malaya. Pada peringkat awal pengajiannya di Universiti Malaya, iaitu pada awal 1970, Anwar turut mengasaskan Ikatan Sastera Universiti Malaya ( ISUM ) dan mengelolakan ruangan kebudayaan akhbar kampus, *Mahasiswa Negara*. Anwar juga menyertai program lawatan sambil belajar ke Indonesia, Hong Kong, dan Thailand.

Anwar Ridhwan hanya mula menyandang jawatan tetap sebagai Pegawai Penyelidik, Dewan Bahasa dan Pustaka yang kemudiannya dikenali sebagai Pegawai Perancang Bahasa, pada 1 Mei 1973. Kini, sebagai pegawai yang sudah lama berkhidmat dengan Dewan Bahasa dan Pustaka, Anwar telah menyandang beberapa jawatan penting dalam organisasi tersebut. Beliau menjadi sidang editor majalah *Dewan Bahasa*, *Dewan Sastera*, dan *Dewan Budaya*. Anwar Ridhwan juga pernah dilantik sebagai Ketua Bahagian Pembinaan dan Pengembangan Sastera, dan Timbalan Ketua Pengarah II (sastera ). Semasa penstrukturran semula Dewan Bahasa dan Pustaka pada tahun 1995, Anwar mengetuai Bahagian Kesusteraan Moden. Sekembalinya Anwar dari Jepun pada tahun 2000, sekali lagi beliau dilantik sebagai Ketua Bahagian Kesusteraan Moden sebelum dinaikkan pangkat sebagai Pengarah Jabatan Penerbitan yang beliau sandang hingga sekarang.

Sebagai seorang pegawai yang menyandang jawatan utama (JUSA) sekarang ini, beliau bukan sahaja berpengalaman dalam bidang kerjaya rasminya malah dalam tugas-tugas yang berhubungan dengan kegiatan pembinaan, pengembangan, dan pemasyarakatan sastera tanah air secara umumnya. Anwar menganggotai Persatuan Penulis Selangor (PPS) di peringkat negeri dan di peringkat nasional. Anwar menganggotai Persatuan Penulis Nasional (PENA) dan Gabungan Persatuan Penulis Nasional (GAPENA). Beliau sering menghadiri kursus, bengkel, seminar, persidangan mahupun konvensyen di peringkat antarabangsa, serta beberapa lawatan sambil belajar ke luar negara. Anwar pernah mengikuti Kursus Pengurusan dan Penerbitan selama empat bulan di University of New York, Manhattan, Amerika Syarikat (1982), Kursus *International Writing Programme* di Iowa, Amerika Syarikat selama empat bulan (1986), mewakili negara dalam Pertemuan Puisi Dunia di Struga, Yugoslavia pada bulan Ogos 1988, dan terus melawat negara Soviet Rusia sebagai tamu Persatuan Penulis Soviet dari bulan September hingga Oktober 1988. Anwar juga pernah menjadi Profesor Pelawat di Tokyo University of Foreign Studies, Tokyo, Jepun (1998-2000). Secara tidak langsung, beliau banyak menimba ilmu di peringkat global. Pengalaman-pengalaman ini banyak mempengaruhi hasil-hasil tulisan beliau kerana kesempatan itu menemukannya dengan ramai pengarang ternama, dan membaca karya-karya mereka.

Dalam dunia penulisan tanah air, Anwar Ridhwan juga pernah dilantik sebagai Setiausaha Gabungan Persatuan Penulis Nasional (GAPENA) dari tahun 1974-1976, Ketua Satu Persatuan Penulis Nasional (PENA) dari tahun 1987- 1988, dan Setiausaha Panel Anugerah Sastera Negara (1987-1996).

Kemuncak daripada sumbangan Anwar Ridhwan dalam bidang kesusastraan Melayu tanah air, beliau telah dianugerahi darjah kebesaran Dato' Paduka Mahkota Selangor (D.P.M.S.) yang membawa gelaran Dato' oleh Sultan Selangor, Duli Yang Maha Mulia Sultan Sharafuddin Idris Shah Ibni Almarhum Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah Alhaj, sempena Hari Keputeraan baginda yang ke-57 pada 14 Disember 2002.

## 2.2 Kepengarangan Anwar Ridhwan

Menurut Mohd. Yusof Hassan (1995:xi), Anwar Ridhwan merupakan seorang penulis fiksyen Melayu yang banyak memperlihatkan potensinya. Menurut Johan Jaaffar (*Dewan Sastera*, Februari 2003:51) pula, "Anwar telah menyerahkan dirinya pada sastera sejak dia mengenal huruf dan kata. Tambahnya, Anwar memang lahir untuk menjadi sasterawan".

Anwar Ridhwan menceburi kesemua genre: kreatif dan non-kreatif. Walau bagaimanapun, Anwar Ridhwan lebih menyerlah dalam bidang cerpen dan novel. Menurut Anwar Ridhwan (*Jambak* 2, 1993:36) sejak menceburi penulisan kreatif, genre cerpen lebih menarik perhatiannya. Kemudian barulah puisi. Walau bagaimanapun, menurut Anwar lagi, oleh sebab pada masa itu wadah penerbitan terhad, maka secara perbandingannya sesebuah puisi yang baik lebih cepat tersiar berbanding sesebuah cerpen yang juga baik dari segi kualitinya. Hal inilah yang terjadi kepada Anwar. Puisi beliau lebih dahulu disiarkan daripada cerpennya walaupun beliau lebih dahulu menghantar cerpennya itu kepada pihak akhbar yang berkenaan. Puisi pertamanya yang berjudul "Jauh" telah disiarkan dalam *Utusan Zaman* keluaran 19 Julai 1970, dan cerpen

beliau yang berjudul “Kuda Jalang” disiarkan dalam *Mingguan Malaysia* keluaran 21 Mac 1971.

Kemudiannya, Anwar lebih banyak menghasilkan cerpen berbanding puisi. Seiring dengan penghasilan cerpen, Anwar menceburkan diri dalam penulisan novel. Anwar (*Jambak 2*, 1993:40), mengakui novel menyediakan wadah yang lebih luas untuk mengekspresikan sesuatu pemikiran. Oleh yang demikian, jelas beliau, lebih banyak perenungan, penceritaan, dan pemikiran yang dapat dijalin di dalamnya. Pada tahun-tahun 1990-an pula, Anwar mula menghasilkan skrip drama pentas iaitu *Orang-orang Kecil* (DBP,1990), dan *Yang Menjelma dan Menghilang* (DBP,1992).

Sesungguhnya, kehadiran Anwar Ridhwan telah memberikan sumbangan yang amat bermakna kepada dunia penulisan kreatif tanah air. Cerpen beliau “Perjalanan Terakhir” yang disiarkan dalam majalah *Dewan Masyarakat*, September, 1971 telah memenangi Hadiah Karya Sastera 1971. Ketika itu Anwar masih menuntut di Universiti Malaya, dan baharu berusia 22 tahun. Ini menjadikan Anwar pemenang paling muda ketika itu. Dua buah lagi cerpen ecerannya yang telah memenangi Hadiah Karya Sastera ialah “Dunia Adalah Sebuah Apartment” (1973), dan “Sesudah Perang” (1976). “Sasaran”, “Sahabat”, dan “Menjadi Tua” memenangi Hadiah Sastera Malaysia (1982/83). Cerpen-cerpen yang memenangi hadiah ini terdapat dalam kumpulan cerpennya, *Parasit* (DBP,1976), *Sesudah Perang* (DBP,1978), dan *Sangkar* (DBP,1986). Kumpulan cerpen *Sesudah Perang* ini telah diterjemahkan ke dalam bahasa Inggeris oleh Adibah Amin dengan judul *After The War and Other Stories* (DBP,1991). Pada tahun

1992, cerpennya yang bertajuk "Dari Kiev ke Moskova" (*Dewan Sastera*, April 1992 ) memenangi hadiah pertama Peraduan Cerpen DBP- Maybank. Kumpulan cerpen Anwar yang terbaru, *Naratif Ogonshoto* (Matahari, Petaling Jaya, 2001 ) memenangi Hadiah Sastera Perdana Malaysia 2000/2001. Kumpulan cerpen ini jugalah yang telah melayakkan Anwar dipilih sebagai penerima *SEA Write Award* bagi tahun 2002 yang dianugerahkan oleh kerajaan Negara Thailand dan baru-baru ini (September, 2003) sekali lagi kumpulan cerpen Anwar ini menerima Hadiah Sastera MASTERA (Majlis Sastera Asia Tenggara), sebuah majlis yang penubuhannya dipersetujui dalam Kongres Bahasa Sedunia yang diadakan pada 25 Ogos 1995 bertujuan untuk merancang dan memantau perkembangan kesusasteraan nasional.

Dalam penulisan novel pula, setakat ini Anwar Ridhwan telah menghasilkan tiga buah novel. Novelnya yang pertama, *Hari-Hari Terakhir Seorang Seniman* memenangi hadiah pertama Sayembara Mengarang Novel anjuran GAPENA-Yayasan Sabah pada tahun 1979. Novel ini diterbitkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, pada tahun 1979. Novel ini telah mendapat perhatian pengkaji sastera baik di peringkat kebangsaan maupun antarabangsa dan telah diterjemahkan ke dalam bahasa Inggeris oleh Harry Avelling dengan judul *The Last Day of An Artist*, juga diterbitkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur. Ia sekali lagi diterjemahkan ke dalam bahasa Urdu dan diterbitkan sempena lawatan Presiden Bangladesh ke Malaysia. Selain itu, novel ini juga telah diterjemahkan ke dalam bahasa Jepun dan bahasa Perancis. Novel ini turut diadaptasi ke dalam bentuk skrip drama pentas oleh Johan Jaaffar yang juga bertindak selaku sutradara, dan telah dipentaskan sebanyak empat belas (14) kali yang meliputi

kawasan Kuala Lumpur, Sabah, Sarawak, dan Singapura sekitar tahun 1980-an. Menurut Johan Jaaffar (*Dewan Sastera*, Februari 2003:51):

*Hari-Hari Terakhir Seorang Seniman* menarik perhatian saya kerana banyak hal. Kekuatan naratifnya tentulah tidak boleh dipertikaikan tetapi potret tukang cerita yang dilanda tragedi serta nostalgia silam yang berbaur dengan kisah-kisah yang dibawakan cukup luar biasa.

*Arus*, novel Anwar Ridhwan yang kedua (1985) pula diterbitkan oleh Pustaka Cipta, Petaling Jaya, Selangor, dan telah memenangi Hadiah Sastera Malaysia tahun 1985/86. Novel ini telah diterjemahkan ke dalam bahasa Perancis dan diterbitkan oleh Penerbit Federop (1989). *Arus* juga telah diterjemahkan ke dalam bahasa Thai. Novel yang dipilih untuk memenangi Hadiah Sastera Malaysia 1984/85 bersama-sama *Daerah Zeni* karya Sasterawan Negara, A. Samad Said, ini mengisahkan krisis kepimpinan, skandal bank, serta isu kafir-mengkafir di kalangan umat Islam di negara ini yang berlaku sekitar tahun 1980-an. Shahnon Ahmad menyifatkan *Arus* sebagai sebuah novel yang “penuh kekekukan dan keanehan” (*Dewan Sastera*, Jun 1986:19). Dalam makalah yang berjudul “Pelarian: Konsep Mengenal Diri dalam novel *Arus* Anwar Ridhwan” itu juga Shahnon (1986:20) menyatakan novel ini membawa satu gagasan yang bertunjangkan satu prinsip yang menjadi satu ciri modernisme, iaitu ‘pelarian’.

Pelarian dalam *Arus* adalah pelarian dari masalah-masalah yang diciptanya sendiri-sendiri. Masalah-masalah yang dicetuskan untuk menuju arah-arah di luar diri masing-masing yang kehilangan akar tunjang kewujudan diri itu sendiri iaitu ketauhidan.

Dalam pada itu, Mohd Yusof Hasan, dalam bukunya yang berjudul *Penghayatan Fiksyen Melayu*, (DBP,1995:172) pula berpendapat:

Novel *Arus* ini banyak membawa unsur-unsur tersurat dan perlambangan. Watak-watak tidak membawa perawakan dan perwatakan seindah nama – Muslim dan Salleh. Tokoh agama dan tokoh institusi perbonohan juga tak berwibawa seperti dijangka. Kampung Tuk Wali juga tak sewali nama, penuh dengan kebobrokan dan kekufuram. Sungai Usar membawa arus tak kunjung henti bersama hati nurani manusia yang semakin miskin dengan hati dan budi....

Sahlan Mohd Saman (*Dewan Sastera*, Januari 1986: 60-62 ) pula menyifatkan:

Novel *Arus* hanya setebal 121 halaman itu ternyata membawakan cara bercerita yang lebih mudah, lebih bergaya dan lebih bersahaja berbanding dengan karya sulung, *Hari-Hari Terakhir Seorang Seniman*.

Novel ketiganya, *Di Negeri Belalang*, sebuah karya eksperimental, diterbitkan pada tahun 1989 oleh Marwilis Publishers, Shah Alam, Selangor. Empat watak fiktif dalam empat buah cerpen Anwar yang pernah dihasilkannya sebelum ini “tiba-tiba ditemui hidup dalam dunia nyata” (1989:6) oleh watak Manto dalam novel ini.

Menurut S. Othman Kelantan dalam bukunya, *Pemikiran Satira dalam Novel Melayu* (DBP,1997:243):

*Di Negeri Belalang* adalah sebuah novel imaginasi yang luar biasa dan kompleks. Imajinasi dijalin dengan teliti untuk mewujudkan beberapa orang watak dalam realiti “seakan-akan”. Melalui watak realiti “seakan-akan” itulah pemikiran satira dalam bentuk sindiran dan ejekan dilakukan dengan penuh makna yang membawa pengertian yang sinis dan ironi.

Dalam bidang novel ini, Sahlan Mohd Saman (*Dewan Sastera*, Januari 1986:60), menyatakan bahawa “Anwar menjanjikan masa depan yang cemerlang”.

Dalam bidang puisi pula, Anwar Ridhwan telah menghasilkan sebuah kumpulan sajak iaitu *Tercipta Dari Tanah* (Media Intelek, Petaling Jaya, 1985) yang pernah mengejutkan khalayak sastera kerana tidak pernah menyangka bahawa Anwar Ridhwan juga merupakan seorang penyair. Namun jelas Anwar (*Jambak* 2, 1993:52):

Puisi bukanlah bidang yang baru bagi saya. Genre ini merupakan satu daripada genre kegemaran saya ketika mula-mula menulis dahulu, beberapa buah malah pernah tersiar dalam majalah *Horison* yang diterbitkan di Jakarta pada tahun-tahun awal saya menulis puisi. Saya istirahat daripada menghantar puisi ke penerbitan sebelum lahir *Tercipta dari Tanah* (1985) kerana ingin belajar menulis puisi yang lebih baik. Saya memang cinta puisi, dan tidak berpisah dengannya, walaupun saya tidak prolifik dalam bidang ini.

Di samping itu, beberapa buah karya beliau turut diselenggarakan bersama-sama penulis lain, antaranya dimuatkan dalam *Kuala Lumpur: Antologi Sajak Pilihan* (1975) yang diusahakan penerbitannya oleh Gabungan Persatuan Penulis Nasional (GAPENA).

*Kuntum Pertwi I, II, dan III* (Rahman Shaari (ed.), DBP, 1982), *Sinaran Permata* (Rahman Shaari (ed.), DBP, 1987), dan *Puisirama Merdeka* (PENA, 1986).

Dalam bidang drama pula beliau telah menghasilkan tiga buah skrip drama pentas iaitu *Orang-orang Kecil* (DBP, 1990), *Yang Menjelma dan Menghilang* (DBP, 1992), dan skrip drama “Pulang” yang belum dicetak. *Yang Menjelma dan Menghilang* telah memenangi hadiah utama Peraduan Menulis Drama Pentas anjuran Yayasan Seni – *Berita Harian* 1990. Dua buah drama pertama beliau itu merupakan satira politik. Melalui *Orang-Orang Kecil* terpapar situasi politik negara pascam 1969 hingga tahun 1980-an sementara *intrigue* politik Melayu kontemporari terjelma lewat *Yang Menjelma dan Menghilang*. Pada pandangan Johan Jaaffar (*Dewan Sastera*, Februari, 2003), tokoh teater yang paling “akrab” dengan drama-drama Anwar, “Secara mudah, kedua-dua drama ini boleh dilabelkan absurdis....”. Sekali lagi dalam kerangka naratif Anwar, beliau menolak sebarang usaha untuk “merealkan” watak-watak. Seperti mana karya-karya pascamoden yang lain, “mereka” dalam *Orang-Orang Kecil* berenang dalam kepelbagai arus realiti dan metafizikal – fiksyen menjadi kenyataan yang tersendiri dan kekacauan plot memberi rupa pada pemikiran dan isi. Anwar telah mengarahkan tiga buah drama pentas iaitu “Penghuni Paya” (“The Swamp Dwellers” karya Wole Soyinka, pemenang Hadiah Nobel untuk kesusastraan 1986) dari 16 hingga 18 Disember 1991 di Balai Budaya, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur. Skrip drama beliau yang berjudul “Pulang” telah dipentaskan dari 5 hingga 8 Disember 1995, dan *Yang Menjelma dan Menghilang* dipentaskan di Dewan Bandaraya Kuala Lumpur dari 8 hingga 13 Jun 2001.

Menurut Laporan Panel Hadiah Sastera Malaysia 1992/93 (Disember, 1994:78-79), drama *Yang Menjelma dan Menghilang* telah mengungkap semua persoalan: Manusia dengan perebutan kuasa, rasuah, serta pembunuhan. Anwar mengemukakan teknik dan gaya yang sama sekali tidak pernah terfikir oleh pengarang kita, malah mananya pengarang dunia sekali pun. Anwar telah mengkonstruksikan tiga lapisan zaman: Dewa-dewa, tokoh-tokoh metafizik dan manusia fizikal. Laporan ini turut mengiktiraf teks ini sebagai teks yang berjaya mengemukakan suatu gaya baru dalam teater Malaysia. Terdapat unsur-unsur perlenggaran dalam konvensi surrealisme sebelumnya. Pengarangnya juga memperlihatkan pengukuhan daripada teks yang terdahulu iaitu *Orang-orang Kecil*.

Selain penulisan kreatif, Anwar Ridhwan juga menghasilkan tulisan-tulisan ilmiah. Buku *nya, Sudut Pandangan Cereka* (DBP, 1985), merupakan hasil disertasi ijazah sarjana beliau dan digunakan secara meluas oleh para pelajar institusi pengajian tinggi awam (IPTA) dan pengkaji sastera. Selain itu, terdapat juga tulisan-tulisan tentang Anwar Ridhwan yang ditulis oleh sarjana sastera tanah air yang dimuatkan dalam buku *Di Sekitar Pemikiran Kesusastraan Malaysia 1957 – 1972* (DBP, 1976), *Kamus Nama Samaran dan Nama Pena* (DBP, 1980), *Dokumentasi Kesusastraan Malaysia* (DBP, 1980). Sementara itu, entri Anwar Ridhwan dimuatkan dalam *Ensiklopedia Indonesia* (Jakarta: Penerbitan Buku Ichtiar Baru – Van Hoove, 1980), dan *Ensiklopedia Sejarah dan Kebudayaan Melayu* (DBP, 1999). *Jati Diri Pasca Asas 50* (DBP, 1999) merupakan himpunan tiga kuliah yang beliau sampaikan di tiga buah kota raya di Jepun dalam acara “The Fifth Kaiko Takeshi Memorial Asian Writers Lecture Series”.

Dari segi dorongan, yang dianggap merupakan faktor penting dalam kejayaan seseorang dalam apa juga bidang, Anwar (*Jambak* 2,1993:39), mengakui pada peringkat awal penglibatannya dalam dunia penulisan, minat yang mendalamlah yang menjadi pendorong utama beliau. Menurut Anwar lagi, (*Jambak* 2,1993:39) yang merangsang bukan “peribadi” tetapi karya-karya orang lain. Di Malaysia, misalnya, beliau terangsang oleh karya-karya Keris Mas dan Shahnon Ahmad sementara karya-karya oleh pengarang luar negara pula beliau banyak mengikuti karya-karya Pramoedya Ananta Toer, Iwan Simatupang, Hemingway, dan Faulkner. Hanya setelah itu, kata beliau, muncul beberapa orang teman pengarang dan pengkritik yang memberikan komentar secara jujur. Bagi Anwar, mereka adalah sahabat-sahabat yang baik, yang dengan ikhlas hadir untuk bertukar-tukar fikiran. Secara peribadi, kata beliau (*Jambak* 2 1993:46), “saya senang sekali dan saya terbuka untuk menerima kritikan”. Walau bagaimanapun, menurut Anwar, (*Jambak* 2,1993:47), “Hanya saja.... kadang-kadang pengkritik kita masih berbicara berdasarkan unsur-unsur yang membina cereka secara terpecah-pecah, bukan secara keseluruhan, dan masih agak jauh dari membicarakan pemikiran di dalamnya”.

### 2.3 Proses Kreatif

Dari segi proses kreatifnya pula, jelas Anwar (*Jambak* 2,1993:41-42):

Biasanya saya membuat perancangan yang seteliti mungkin sebelum menulis cerpen atau novel. Semua unsur yang membinanya saya tentukan, kenali dan dalami. Kemudian barulah saya menulis.

Saya biasanya membaca dan mengedit karya yang akan saya hantar ke penerbitan kira-kira sepuluh kali, dan ini termasuk novel. Saya selalu berkeinginan melakukan proses ini secara profesional.

.... Saya gemar menulis di rumah, dalam kamar studi yang khas, dan tidak ingin diganggu dalam jangka waktu yang lama - terutamanya kalau menulis cerita pendek, novel, atau drama. Akan tetapi, itu hanya terjadi kalau saya mendapat cuti panjang. Kalau tidak, saya harus membawa tulisan saya ke mana saja.

Dalam soal masa dan suasana yang sesuai untuk berkarya, Anwar (*Jambak* 2,1993:42) menyatakan:

Biasanya awal pagi atau malam. Awal pagi saya mempunyai tenaga yang lebih segar, dan alam pun masih nyaman, tidak terlalu panas. Malam pula memberikan suasana yang misterius bagi saya. Dengan kegelapan di sekeliling, cahaya yang menyuluh diri saya yang keseorangan seolah-olah memberikan sepenuh tenaga dan kebebasan untuk berfikir dan bereksresi kepada saya.

....Kebisingan..seperti riuh percakapan, muzik, atau suara dari radio dan TV, dering telefon, ngeuman kenderaan. Cuaca yang terlalu panas, yang cepat meletihkan tenaga, juga merupakan gangguan.

Dalam Pertemuan Penulis Nasional Malaysia yang diadakan di Dewan Bahasa dan Pustaka pada 28 Mac 1987, Anwar Ridhwan dalam kertas kerjanya bersama-sama Johan Jaaffar, yang bertajuk “ Hari Depan Penulis Novel”, menyatakan:

....Kami kira para penulis novel patut melakukan petualangan agar karya yang dilahirkan tidak mengulang apa yang telah terdapat dalam arus sejarah sastera kita, dan agar kita tidak menjadi epigon.

....apabila kita membaca karya-karya besar seperti *Negeri Salju* (Kawabata), *One Hundred Years of Solitude*(Gabriel Garcia Marques), *A Grain of Wheat* (Ngugi), dan sebagainya, kepuasan yang kita perolehi bukan sekadar keseronokan menerima pengisahan seorang tukang cerita, tetapi juga kepuasan mengembara, melakukan petualangan psikologi, falsafah hidup dan sebagainya, lalu memberikan kesan di sanubari kita bahawa pengarang-pengarang itu menguasai ilmu-ilmu bantu dan memahami manusia dan watak-wataknya secara mendalam.

Banyak karya Anwar Ridhwan juga dihasilkan semasa ataupun selepas Anwar melawat ke luar negara. Cerpen-cerpen seperti "Sahabat", "Menjadi Tua", "Jika Begitu Akhirnya", "Sebelum Berangkat" dan beberapa buah lagi, terceetus ilhamnya semasa melawat sambil belajar ke Amerika Syarikat, Hong Kong dan Thailand. Novel *Di Negeri Belalang*, juga misalnya, ditulis oleh Anwar ketika menghadiri Pengucapan Puisi Dunia di Yugoslavia, seperti catat Anwar Ridhwan dalam "Struga Poetry Evenings '88 di Macedonia" (*Dewan Sastera*, Oktober 1988:75):

....Yugoslavia kadang-kadang memberi kejutan yang tidak diduga, seperti nilai mata wangnya yang turun setiap hari. Kejutan yang pasti bagi saya ialah betapa banyaknya waktu yang bersisa sementara menanti penerbangan pulang pada 2' September. Dan saya mengisinya dengan menulis sebuah novel pendek, yang entah bila akan siap. Mampukah novel itu kelak memberi kejutan pula?

Demikian juga halnya dengan kumpulan cerpen mutakhir Anwar, *Naratif Ogonshoto*, yang diilhamkan dan dihasilkan sebahagiannya di Jepun semasa Anwar Ridhwan bertugas sebagai Profesor Tamu di Universiti Tokyo, Jepun, dan sebahagiannya lagi beliau tulis di Kuala Lumpur semasa balik bercuti ke sini.

Ridhwan bertugas sebagai Profesor Tamu di Universiti Tokyo, Jepun, dan sebahagiannya lagi beliau tulis di Kuala Lumpur semasa balik bercuti ke sini.

Menyentuh soal bakat yang telah banyak dibahaskan oleh para sarjana, Anwar Ridhwan mengakui bahawa bakat semulajadi itu memang perlu dan penting. Jelas beliau, bakat merupakan unsur yang membezakan kebolehan dan ketidakbolehan seseorang dalam mengarang; dan bakat memudahkan kelancaran serta menggerakkan daya kepengarangan. Walau bagaimanapun, kata Anwar (*Jambak* 2, 1993:42-43):

Dengan bergantung hanya kepada bakat semula jadi, kita hanya menjadi pengarang berbakat alam. Pada zaman sekarang, itu tidak mencukupi. Karya sastera tidak hanya meladeni aspek emosi, tetapi juga aspek intelektual. Manusia - baik sebagai pengarang atau watak fiktif yang progresif tidak berada dalam vakum. Mereka mengarus bersama dinamika ilmu dan sosial.

....Cara yang paling mudah ialah memberi nafas kepadanya agar terus hidup. Maksud saya, terus menulis dari waktu ke waktu. Yang kedua, kita menyuntikkan aspek ilmu dan intelektual ke dalamnya. Orang bilang, ilmu-ilmu bantu. Yang ketiga, ...untuk berkarya tidak seperti seorang amatur yang menulis tergesa-gesa dan tidak membuat penyuntingan dan semakan yang teliti. Saya ingin berbuat seperti seorang profesional – teliti dalam perancangan, cermat dalam penulisan, tekun menyemak draf, sentiasa peka terhadap ilmu bantu dan teknik penulisan. Setelah segalanya siap, segera tidak berpuas hati!

Karya-karya Anwar dikatakan bukan untuk dibaca secara santai-santaian (Johan Jaaffar, *Dewan Sastera*, Februari 2003:51). Ini kerana, karya beliau mengandung makna

berpengalaman dapat menanggapi karya-karya Anwar. Johan Jaaffar (*Dewan Sastera*, Februari 2003:51) menyatakan “Anwar terlalu elusif, asing, malah terlalu misteri untuk ditanggap, difaham dan dibaca. Usaha mencarinya sukar”.

Anwar sememangnya mensasarkan karya-karyanya kepada khalayak yang berpendidikan; golongan yang terdiri daripada kelas menengah. Menurut Anwar (*Jambak* 2, 1993:55), mereka ini perlu bacaan yang bagus, perlu cabaran mental, dan perlu dibawa melihat permasalahan sosial. Kelas menengah kadangkala hanya tergantung-gantung di kelasnya. Walau bagaimanapun, tambah beliau lagi (*Jambak* 2,1993:60), sambutannya belumlah cukup memberangsangkan. Ini kerana, golongan kelas menengah yang menjadi sasarannya itu , merupakan golongan yang agak baru. Bagi masyarakat yang berbangsa Melayu, mereka baru mencapai kedudukan itu, lantaran sifat pendidikan moden, hampir terpisah dengan tradisinya. Golongan yang bukan berbangsa Melayu pula, mereka baru berkenalan dengan sastera Melayu sebagai hasil sistem pendidikan kebangsaan.

Ternyata, dalam bidang sastera secara umumnya, dan bidang penulisan karya kreatif khususnya, Anwar mempunyai misi dan visi yang cukup besar dan berat. Diskusi dan kritikan yang baik dianggapnya sesuatu yang membantu. Walau bagaimanapun, menurut beliau, selebihnya itu tetap terpulang kepada penulis untuk memperhalusi kemahiran mengarang, menguasai bahasa kreatif yang berkesan, mempertajam wawasan serta pandangan dunia terhadap pelbagai gejala kontemporari, menguasai teknik yang sentiasa berkembang, serta keupayaan untuk berkarya secara profesional. Karya yang menyorot soal-soal manusiawi yang lebih luas dan mendalam beliau anggap lebih baik

daripada karya yang hanya membicarakan hal-hal peribadi, tema-tema ringan, apa lagi yang hanya meniru aliran atau *isme* barat serta kebobrokan moralnya. Dari segi khalayak pula, mereka sudah pastinya menginginkan karya-karya yang bermutu, karya-karya yang memiliki gaya bahasa yang memikat, memukau, kuat dan indah. Di samping itu, khalayak juga memerlukan hasil tulisan kritikan yang berani, jujur, dan semestinya berilmu yang dapat meningkatkan pemahaman mereka terhadap sesebuah karya. Sebagai karyawan, Anwar memastikan agar bahasa yang beliau gunakan memikat, kreatif dan bertenaga (*Jambak* 2,1993:52) kerana itulah satu-satunya alat yang ampuh untuk menyampaikan karya kepada pembaca.

Kenyataan ini turut dikongsi oleh Mohd Yusof Hassan ( 1995:36 ) apabila beliau juga menyatakan:

Ternyata bahasa seseorang pengarang itulah yang menggagalkan atau menjayakan sesebuah karya sastera. Dengan bahasa itulah pengarang dapat memperlihatkan sensitiviti atau kepekaan dan persepsinya serta realiti hidup masyarakat.

Dalam konteks ini, adalah menjadi harapan Anwar agar semua pihak – khalayak, pengarang, penerbit, pengkritik, institusi pendidikan, kerajaan, media massa – memainkan peranan secara kolektif, dengan penuh dedikasi, jujur, serta sensitif terhadap dinamika sosial, dan dinamika ilmu itu sendiri. Dalam makalah Anwar yang berjudul, “Penulisan dan Pengiktirafan”(*Dewan Sastera*, Jun 1988:3) Anwar menggariskan beberapa panduan untuk menjadi penulis:

Untuk menjadi penulis mapan, kata orang, kita harus berjiwa besar. Kita harus mencabar karya penulis mapan dengan karya kita yang besar, dan jangan jatuh ke lembah prasangka bahawa pengarang mapan itu bimbang dengan kemunculan penulis muda....Kita jangan pasrah, meminta bahan bacaan, pendedahan, bengkel penulisan dan siri apresiasi sastera “disuapkan” ke mulut kita. Kita jangan iri hati melihat penulis mapan terus berkarya sehingga membayangi tulisan kita yang kurang baik....Pada satu titik, pengiktirafan dan mutu tidak dapat dipisahkan. Kedua-duanya melekat di suatu puncak. Kita mendaki, cuba mencapainya. Mudah-mudahan itu puncak yang tertinggi. Kalau tidak, “puncak” yang kita temui itu, beberapa tahun lagi sudah dilupakan oleh audiens sastera dan sejarah.

## 2.4 Penutup

Anwar Ridhwan telah melayakkan diri untuk membarisi senarai karyawan tersohor negara. Namanya cukup dikenali bukan sahaja di dalam negara malah di peringkat antarabangsa. Karya-karyanya mampu berdiri sendiri tanpa dibayangi oleh pengarang yang seangkatan dengan beliau mahupun yang terdahulu malah Anwar telah berjaya mentrampilkan ciri-ciri serta keunggulan yang tersendiri yang menjadi identiti peribadi beliau. Sesuai dengan pencapaian cemerlang itu, beliau bukan sahaja menjadi pembimbing berpengalaman lewat bengkel-bengkel penulisan mahupun seminar, persidangan, dan konvensyen sastera, malah karya-karya beliau menjadi panduan dan ikutan penulis-penulis muda yang terkemudian. Nama Anwar Ridhwan begitu sinonim dengan perkataan “seniman” itu sendiri dan dunia penulisan dan sastera tanah air secara keseluruhannya. Sememangnya itulah impian beliau. Dengan rendah hati beliau

menyatakan (*Jambak* 2,1993:61), “Saya mahu diri saya hanya dikenali sebagai penulis. Itulah sikap serta kedudukan saya dalam dunia sastera”.

Dalam ucapan semasa menerima *S.E.A. Write Award*, anugerah luar negara tertinggi yang pernah Anwar terima sepanjang penglibatan beliau dalam dunia penulisan, Anwar juga telah menguatkan azam serta iltizamnya (*Malaysian Writer Awardee of The S.E.A. Write Award 2002* (DBP, 2002:20):

Sejak kemunculan kesusasteraan, komedi, tragedi dan takdir umat manusia mengilhami para pengarang dalam menghasilkan motif serta corak tenunan bahasa kreatifnya. Tidak kurang pula yang mengambil corak serta motif alam, yang merupakan latar bagi segala komedi, tragedi serta takdir umat manusia. Alam, jika dipersonifikasi, punya takdir serta tragedi tersendiri, seperti turut terakam dalam karya yang kemudian memunculkan ‘eco-criticism’ dalam kritikan sastera. Saya dari sebuah desa kecil di pantai barat Semenanjung Malaysia, telah dan akan terus menenun sebahagian corak serta motif itu.